

ELEMEN PATRIOTISME DALAM FILEM *MAT SALLEH PAHLAWAN SABAH* (1983)
ELEMENTS OF PATRIOTISM IN THE FILM *MAT SALLEH PAHLAWAN SABAH* (1983)

Juhan Junaidi¹
Zairul Anuar Md. Dawam²
Rosli Sareya³

¹⁻³*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.*

juhanjunaidi@gmail.com¹, zanuvar@ums.edu.my², rosli80@ums.edu.my³

Tarikh dihantar: 18 Januari 2020 / Tarikh diterima: 24 Mac 2021

ABSTRAK

Filem adalah karya seni berbentuk audio dan visual. Selain hiburan, filem juga merakamkan semula sejarah bangsa dan negara serta berperanan menyebarkan pelbagai mesej kepada masyarakat. Antaranya adalah menyedarkan masyarakat tentang semangat patriotisme pada negara. Hal ini dinyatakan Mohd Daly *et al.* (2017: 570), bahawa penerbitan filem patriotisme bukan sahaja sebagai tontonan, malah mampu menyemai dan menyampaikan mesej cintakan negara. Selain perlakuan, penyampaian mesej boleh dilakukan melalui penyampaian dialog watak. Justeru, artikel ini akan menganalisis penggunaan ujaran implikatur patriotisme dalam filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) dengan menggunakan teori Grice (1975). Pemilihan filem ini dilakukan kerana gambaran Mat Salleh dalam memperjuangkan keadilan sehingga sanggup mati cukup jelas menunjukkan semangat patriotisme beliau pada bumi Sabah. Selain itu, sehingga kini nama Mat Salleh menjadi legenda bualan masyarakat dan salah satu tokoh yang menentang keras penjajah khususnya di negeri Sabah. Oleh itu, analisis penggunaan ujaran implikatur patriotisme ini bertujuan untuk menentukan presentasi dan mesej tentang patriotisme boleh dijelaskan secara harfiah dan terperinci berdasarkan konteks negara Malaysia melalui medium filem. Selain itu, ia juga bertujuan memperkuat lagi watak Mat Salleh dalam filem tersebut dikategorikan sebagai pahlawan yang mempunyai semangat patriotisme iaitu cintakan negaranya.

Kata kunci: Elemen patriotisme, filem, *Mat Salleh Pahlawan Sabah*, implikatur, Grice.

ABSTRACT

Films are works of art in the form of audio and visuals. Apart from entertainment, the film also re-records the history of the nation and the country and serves to spread various messages to the community.

Among them is to make the community aware of the spirit of patriotism in the country. This is stated by Mohd Daly et al. (2017: 570), that the production of patriotism films is not only a spectacle but also able to sow and convey the message of love for the country. In addition to treatment, message delivery can be done through character dialogue delivery. Thus, this article will analyze the use of the implicature expression of patriotism in the film Mat Salleh Pahlawan Sabah (1983) by using the theory of Grice (1975). The selection of this film was done because of Mat Salleh's portrayal of fighting for justice until he was willing to die, it clearly shows his patriotism in Sabah. Apart from that, until now, Mat Salleh's name has become a legend in the community and one of the figures who strongly opposed the colonialists, especially in Sabah. Therefore, the analysis of the use of the expression of the implicature of patriotism aims to determine the presentation and message about patriotism can be explained literally and in detail based on the context of Malaysia through the medium of film. Apart from that, it also aims to strengthen the character of Mat Salleh in the film which is categorized as a hero who has the spirit of patriotism that is the love of his country.

Keywords: *Elements of patriotism, film, Mat Salleh Pahlawan Sabah, implicature, Grice.*

PENDAHULUAN

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, teknologi komunikasi dan media massa menjadi penggerak utama dalam menyebarkan maklumat berkenaan agenda-agenda pembangunan negara, perpaduan kaum, kesedaran nasionalisme dan patriotisme, pendidikan dan sebagainya. Melalui percambahan teknologi yang deras, usaha ini turut dibantu sektor swasta mahupun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu kerajaan sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi menyuntik semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, kewujudan pelbagai aktiviti yang berteraskan patriotisme ini mampu memupuk semangat patriotisme terhadap pelbagai bangsa dan budaya bagi generasi pada masa akan datang.

Di Malaysia, saban tahun sebelum tanggal 31 Ogos Hari Kemerdekaan Malaysia dan 16 September iaitu Hari Pembentukan Malaysia, sentimen patriotisme dikaitkan dengan perkataan 'merdeka' yang dilaungkan di televisyen serta radio. Lagu-lagu kemerdekaan sering disiarkan di corong-corong radio sehinggakan topik bual bicara penyampai tentang elemen-elemen kesedaran patriotisme dengan kepelbagaian variasi turut dibincangkan. Bukan itu sahaja, filem-filem tempatan juga diputar beberapa kali di kaca TV bertujuan menyemarakkan lagi bulan kemerdekaan (Mahat Jamal, 2015: 70). Filem-filem bertemakan patriotisme seperti filem *Seargent Hassan* (1958), *Bukit Kepong* (1981), *Leftenan Adnan* (2000) dan lain-lain filem aksi peperangan ketika

zaman Komunis dan Jepun ditayangkan. Di negeri Sabah, tidak ketinggalan filem tempatan seperti *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) yang diterbitkan oleh Sabah Film Productions turut ditayangkan. Malah, tokoh ini menjadi bualan pelbagai masyarakat khususnya di negeri Sabah tentang perjuangannya ketika bulan kemerdekaan.

Tema filem-filem yang mengangkat tokoh pejuang atau pahlawan ini sangat jelas mengutarakan persoalan berkaitan patriotisme kerana ia menunjukkan perasaan dan sifat mereka mempertahankan tanah air Malaysia dari penjajahan dan pencerobohan. Namun begitu, tema patriotisme ini perlu diperkuatkan lagi dengan ucapan melalui dialog-dialog watak utama yang memegang peranan sebagai tokoh pejuang dalam menyampaikan perjuangannya. Justeru, artikel ini akan membincangkan ketokohan watak Mat Salleh dalam filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) melalui aspek dialog dan perlakuan untuk mengukuhkan lagi tema patriotisme yang ingin disampaikan.

IMPLIKATUR

Istilah ini dipopularkan dan diperkenalkan oleh Grice (1975) yang banyak dibincangkan dalam artikel *Logic and Conversation* (1975: 52) terbitan Universiti Harvard (Raja Ariffin, 1990: 473), Abu Bakar (2009: 15) dan Nugrehani (2010: 393). Implikatur berasal daripada perkataan '*Implicate*' yang membawa maksud perbualan seseorang yang melanggar hukum (Hasan, 2018:1). Selain itu, konsep ini banyak diguna pakai dalam kajian-kajian linguistik serta mendapat perhatian daripada ahli pragmatik kerana implikatur merupakan sebahagian daripada bidang pragmatik (Ibrahim, 1999: 1).


Menurut Grice (1975: 43) dalam penulisan Mustafa Atan (2010: 2), untuk menerangkan implikatur adalah seperti berikut;

Suppose that A and B are thinking about a mutual friend, C, who is now working in a bank. A ask B how C is getting on is his job, and B replies, B: Oh, quite well, I think, he likes his colleagues and he hasn't been to prison yet

Kenyataan di atas menunjukkan B memberikan jawapan yang ditanyakan oleh A tetapi, jawapannya berbeza. Implikatur perbualan daripada ujaran di atas bebekalkan konteks yang difahami oleh A dan B. Maksud yang ingin disampaikan oleh B ialah C telah berubah sikap dan mula tidak jujur dalam pekerjaannya tetapi, B tidak bercakap secara terang-terangan ataupun *straight to the point*.

Carston (1988: 157) menegaskan dalam penulisannya, implikatur adalah mesej yang tersirat yang cuba disampaikan dengan ujaran yang tersurat. Selain itu, Jalaluddin (1992: 677) menyatakan bahawa makna implikatur yang sangat mudah ialah mesej tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam bualan. Tambahan, Horn (2004: 3) pula mendefinisikan implikatur adalah satu komponen yang wujud dalam pertuturan makna atau sesuatu yang ingin disampaikan seorang penutur berbeza daripada apa yang diujarkan oleh penutur tersebut. Kesimpulannya, pelbagai sarjana menterjemahkan makna implikatur dan pengkaji mentafsirkan bahawa implikatur adalah ayat yang sopan tetapi memberi makna yang besar.

Ujaran dalam implikatur terbahagi kepada dua bahagian, iaitu apa yang diperkatakan (semantik) dan apa yang diimplikasikan (pragmatik). Di samping itu, konsep ini berkait rapat dengan prinsip saling bekerjasama di mana terbahagi kepada empat maksim iaitu kualiti, kuantiti, hubungan dan kelakuan (Ibrahim, 1999: 2) dan (Ika Arifianti, 2006: 103).



Rajah 1 Konsep ujaran dalam implikatur Teori Grice (1975)

Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin (1994: 63) dan Salwani Abu Bakar (2009: 21).

Implikatur konvensional dikenali sebagai implikatur umum yang melihat kepada penggunaan sesetengah perkataan dalam ujaran sebagai contoh perkataan '*Bujang senang*'. Jika perkataan itu kabur dan maksudnya hanya diketahui konteks maka, ayat itu dianggap implikatur umum. Selain itu, implikatur perbualan pula merujuk konteks ayat apa yang dikatakannya tidak hadir secara terang misalnya;

Juhan: Ayuh jalan-jalan?


Junaidi: Ada mesyuarat.

Walaupun Junaidi tidak menyatakan secara nyata dengan ayat tidak mahu, dengan perkataan **Ada mesyuarat** cukup jelas menggambarkan Junaidi enggan mengikut Juhan berjalan-jalan.

KAEDAH KAJIAN

Filem ini dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan dialog-dialog yang dikenal pasti kata-kata ujaran implikatur patriotisme pada watak Mat Salleh melalui dialog, sama ada dengan musuhnya mahupun pengikutnya. Dalam menganalisis dialog, pengkaji menggunakan teori Grice (1975) iaitu implikatur perbualan untuk merungkai elemen patriotisme dengan berlandaskan konteks negara Malaysia sebagai *point* utama bagi merungkai ciri-ciri patriotisme yang wujud dalam diri Mat Salleh berdasarkan perbualan serta menghuraikan makna dialog yang disampaikannya. Di samping itu sumber seperti buku, jurnal, majalah, serta tesis turut menyokong penyelidikan dan menambah baik segala kekurangan data kajian ini.

Selain itu, makalah ini juga mengambil kaedah pemerhatian (melihat filem) dan kaedah rakaman sebagai instrumen untuk mengenal pasti implikatur filem yang dikaji. Menurut Hancock (1988), pemerhatian membolehkan peneliti melihat situasi secara menyeluruh dalam konteks penyelidikan. Setelah diperoleh dari hasil pemerhatian, maklumat boleh dijadikan dalam bentuk esei, perenggan dan frasa. Hal ini juga dinyatakan oleh Sulaiman Shamsuri (2004) bahawa data kualitatif adalah merujuk kepada sebarang maklumat yang diperoleh daripada aktiviti penyelidikan. Tambahan, segala maklumat data kualitatif terhasil melalui pemerhatian, perbincangan dan surat atau diari.



filem ini gagal mendapat sambutan kerana ketiadaan pawagam kesan dari peperangan (Nursyazrin, 2012:31)

Filem *Sergeant Hassan* (1958) dan *Matahari* (1958) merupakan filem pertama bergenre patriotisme yang menggunakan latar ketokohan seorang pejuang negara. Kedua-dua filem ini mula diproduksi setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 dan meninggalkan Tanah Melayu. Selain itu, kedua-dua filem ini diterbitkan Shaw Brothers dan disutradarakan oleh pengarah berasal daripada negara Filipina dengan menggunakan Bahasa Melayu. Menurut Yow dan Candida (2016: 2), kedua-dua filem ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan kerana filem *Seargent Hassan* (1958) ditayangkan pada bulan Ogos, di mana merupakan hari kemerdekaan Malaysia yang pertama diikuti filem *Matahari* (1958) pada bulan September pada tahun yang sama.

BIL.	TAHUN	JUDUL FILEM	PENGARAH
1.	1958	Seargent Hassan	Lamberto Avellana & P.Ramlee
2.	1958	Matahari	Ramon A. Estella
3.	1985	Mat Salleh Pahlawan Sabah	Omar Rojik
4.	1992	Konstabel Mamat	Z. Lokman
5.	2000	Leftenan Adnan	Aziz M. Osman
6.	2002	Embun	Erma Fatimah
7.	2017	Kanang Anak Langkau	Bade Hj. Azmi
8.	2017	Perang Rentap	Lina Johor
9.	2018	Qhaliq	Rosli Mohd Talib

Jadual 1 Senarai filem bertemakan patriotisme berlatarkan tokoh pejuang
Sumber: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Filem Patriotisme di Sabah

Pada era 1970-an, penerbitan filem Malaysia melalui fasa sisi gelap. Tambahan, dengan kehilangan Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee melengkapkan lagi kegelapan industri perfileman di Malaysia. Menurut Fatimah dan Nur Afifah Vanitha (2020:138), era filem Malaysia mengalami kemerosotan pada awal tahun 1970- an disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya adalah lambakan filem asing, krisis kewangan, dan kemerosotan pembikinan filem tempatan.

Malah, pada tahun yang sama penerbitan filem bertemakan patriotisme mula suram dan langsung tidak diproduksi oleh penggiat filem tempatan. Penerbitan bertemakan patriotisme diproduksi semula sekitar penghujung tahun 1970-an menerusi filem *Prebet Lapok* (1979) yang diarahkan oleh Seniman

Negara Datuk Aziz Sattar. Pada tahun 1980-an, kemunculan filem bertemakan patriotisme semakin banyak diproduksi. Antaranya ialah filem *Bukit Kepong* (1981), *Darah Satria* (1983), *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983), *Matinya Seorang Patriot* (1984) dan *Wira Angkasa* (1987).

Setelah era kemerosotan berlalu, industri perfileman Malaysia mula melonjak apabila seorang usahawan Sabah, Datuk Deddy M Borhan kelahiran Tuaran, Sabah menerbitkan filem-filem tempatan di bawah syarikatnya, iaitu Sabah Film Production Sdn. Bhd yang membawa cita rasa penonton. Menurut Hizral Tazzif (2015: 62), penerbitan Datuk Deddy M Borhan menerusi filem komedi *Keluarga Si Comat* (1975) yang disutradarakan Datuk Aziz Sattar dalam bentuk warna dan skrin lebar mendapat sambutan menggalakkan serta menarik semula penonton untuk datang ke panggung pada era 70-an. Tambahan, kejayaan filem ini atas faktor jalan ceritanya yang mudah difahami mengikut situasi latar masyarakat ketika itu walaupun terpaksa bersaing dengan filem-filem import dari luar negara (Ahmad Syazli, 2016:26).

Antara filem-filem yang diterbitkan melalui syarikat Sabah Film Production ialah filem *Keluarga Si Comat* (1975), *Hapuslah Air Matamu* (1976), *Pendekar* (1977), *Si Badol* (1978), *Kisah Seorang Biduan* (1979), *Toyol* (1980), *Sumpah Semereh Padi* (1981), *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983), *Manis-Manis Sayang* (1983), *Talak* (1984), *Papar-Pagar Cinta* (1984), *Di Ambang Kasih* (1984), *Azura* (1984) dan *Yang Disayangi* (1992). Kejayaan penerbitan Datuk Deddy M Borhan terhadap syarikatnya melalui filem *Hapuslah Air Matamu* (1976) lakonan Syarifah Aini dan Broery Marantika penyanyi dari Indonesia yang membuka mata pelbagai pihak, terutama institusi kewangan dan agensi kerajaan yang berhasrat menyalurkan bantuan kepada penggiat filem tempatan, Hizral Tazzif (2015: 62). Datuk Deddy M Borhan juga telah menyahut seruan kerajaan untuk menerbitkan sebuah filem yang bertemakan patriotisme dan mengangkat sisi tokoh pejuang negeri Sabah. Pada tahun 1983, Sabah Film Production menerbitkan sebuah filem aksi perang bertemakan patriotism, iaitu filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* berdurasi 110 minit disutradarakan oleh pengarah tempatan.

Filem Mat Salleh Pahlawan Sabah (1983)

Filem ini menceritakan semula kisah perjuangan Datu Muhammad Salleh Datu Balu atau lebih dikenali sebagai Paduka Mat Salleh yang memerintah daerah Sugut. Sekian lama memerintah dengan aman, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) merasa iri hati dan berusaha merampas daerah tersebut kerana dikatakan memberi keuntungan yang banyak daripada hasil pungutan cukai.

Menurut Mohamad Shaukhi *et al.* (2008: 80), kemunculan awal Paduka Mat Salleh atas tuduhan mengarahkan pembunuhan dua orang Iban yang merupakan ejen SBBUB pada tahun 1894 di Pulau Jambongan. Oleh itu, kemarahan SBBUB kepada Paduka Mat Salleh semakin tebal dan menganggap beliau sebagai pengacau kepada pengukuhan kuasa British di Borneo Utara. Tambahan, kedudukan Paduka Mat Salleh yang mengetuai tampuk pimpinan daerah Sugut menyebabkan kehadiran beliau diberi perhatian sepenuhnya.

Untuk mempertahankan bumi Sabah daripada terus dijajah, dalam keadaan diburu Paduka Mat Salleh mengumpul beberapa orang ketua daripada pelbagai puak untuk bersatu serta memimpin ketua-ketua tempatan untuk menentang dan menyerang penjajah. Menurut catatan Wookey (1956-1957: 405);

The powers of the Chiefs waned and with the advent of law and order, their incomes decrease too. Somewhat naturally many of them were aggrieved at what they considered to be an attack on rights honoured by long custom.

Catatan di atas menunjukkan ketidakpuasan dalam kalangan ketua-ketua dan penduduk tempatan terhadap SBBUB di Sandakan. Untuk memimpin kembali hak mereka, muncullah Paduka Mat Salleh yang dianggap oleh ketua-ketua tempatan perwatakan tinggi, gagah perkasa dan berani (On, L.K. 1999: 20). Kenyataan ini turut sokong oleh RM Jasni (1981: 29) bahawa Paduka Mat Salleh berperawakan tinggi dan tampan. Beliau seorang yang gagah, berani dan memiliki kekuatan tubuh dan tenaga yang mengagumkan. Dengan adanya kepimpinan yang tegas, sifat yang tidak mementingkan diri dan kebaktian kepada masyarakat sekeliling, beliau disayangi dan dihormati.

Sekian lama berbalas serangan, wakil gabenor SBBUB bersetuju berdamai dengan Paduka Mat Salleh dengan beberapa syarat. Malangnya, mereka melanggar syarat dan mengakibatkan Paduka Mat Salleh mengarahkan orang-orangnya terus melawan penjajah dan mempertahankan bumi Sabah. Akhir filem ini memperlihatkan Paduka Mat Salleh menjadi tanda tanya sama ada beliau terbunuh ataupun tidak dan perjuangan beliau masih diteruskan dengan cara penentangan yang berbeza.

Filem ini merupakan filem tunggal yang terbitkan oleh Datuk Daddy M Borhan melalui syarikatnya Sabah Film Production yang menggunakan tema patriotisme berlatarkan tempat, peristiwa, bahasa dan tokoh pejuang negeri Sabah. Tambahan, watak utama penggerak cerita sebagai Paduka Mat Salleh dalam filem ini merupakan berasal dari negeri Sabah iaitu Elias Augustine Lantau. Menurut Johary Indan (2017) dalam menemu bual bersama beliau yang berusia

82 tahun, watak Mat Salleh yang dilakonkannya memberi impak yang besar kepadanya dirinya sehingga nama sebenar beliau hampir tenggelam oleh nama tokoh tersebut. Tambahan, beliau merupakan pelakon pertama dari suku kaum Etnik Dusun Lotud di Sabah menembusi dunia perfileman Melayu.


Walaupun pengarah filem ini Omar Rojik dan penulis skrip Aziz Jahpin bukan berasal dari negeri Sabah tetapi mereka berjaya menggarap jalan cerita dan visual yang menggambarkan persekitaran budaya negeri Sabah. Hal ini dapat dibuktikan bahawa filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) merupakan filem pertama berlandaskan tokoh pejuang negeri Sabah menggunakan tema patriotisme yang berjaya menembusi pasaran filem tempatan Malaysia dan mendapat sambutan penonton pada era 80-an.

Elemen Patriotisme

Patriotisme berasal daripada dua suku kata Yunani, iaitu '*Peter*' (*father*) dan '*Patris*' (*land*). Gabungan ini membawa makna '*the love of a fatherland*' (Viroli, 1997: 2). Menurut Abdullah (2002), walaupun patriotisme sering kali diseiring dan disamakan dengan nasionalisme, akan tetapi kedua-duanya berlainan konsep dan makna. Patriotisme adalah ideologi atas set sikap dan kepercayaan yang merujuk kepada kesetiaan dan *individual attachment* kepada bangsa dan negara (Bar-Tal & Staub, 1997: 166). Curti (1946) dan Kanner (2004) pula menjelaskan nasionalisme merupakan ideologi tentang kelebihan bangsa sendiri dan berkait rapat dengan unsur-unsur ras, bahasa dan adat. Menurut Awang Had Salleh (1995) dalam penulisan Abu Bakar dan Putih (1995: 2), patriotisme wujud ketika peradaban manusia hidup berk komuniti terasing sehingga melebar besar berlandaskan dua kesan, iaitu wujudnya daerah bumi dan mempertahankan identiti bangsa. Bahkan, perkataan patriotisme telah bertapak dalam kehidupan manusia sejak 1720 (Ali Embi, 2009: 12).

Di Malaysia, sejarah evolusi perkembangan patriotisme telah wujud sebelum negara dijajah. Apabila menyingkap semula zaman Kesultanan Melayu Melaka dan pada abad ke-17, bermulanya kegemilangan patriotisme kepada generasi terdahulu sehingga sanggup mati kerana taat setia raja dan negara (Abu Bakar, 1996). Dalam penulisan Muslim dan Alias (2004: 2-3), patriotisme yang perlu diterapkan dalam diri individu dan masyarakat berdasarkan konteks negara Malaysia mempunyai elemen nilai-nilai yang tertentu. Antaranya adalah berbangga sebagai rakyat Malaysia, bersemangat setia negara, bersemangat kekitaan, berdisiplin dan berusaha meningkatkan produktiviti negara. Kenyataan ini juga turut disokong oleh Jamal (2015: 59), di mana elemen ini perlu diterapkan

dalam kalangan pelajar agar melahirkan modal insan yang mempunyai jati diri yang berharga kepada agama, bangsa dan negara. Malah, aspek penting elemen patriotisme ini diguna pakai dalam penulisan (Kementerian Pendidikan, 1994; 2000), Suhaibo (1999), Basri (2002), Rusdi (2002) dan Hamidi *et al.* (2016: 293).



Rajah 3 Kerangka konsep pendekatan elemen patriotisme di Malaysia

Berdasarkan Rajah 3, Tun Pah Rokiah Syed Hussain *et al.* (2016: 162) menjelaskan bahawa *berbangga sebagai rakyat Malaysia* adalah berakhlak dan berbudi pekerti mulia, menghormati raja dan pemimpin negara, menghormati lambang-lambang negara (seperti bendera, lagu kebangsaan dan jata negara), mempertahankan maruah bangsa dan negara serta menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa. *Bersemangat setia pada negara* melibatkan cinta atau sayang bangsa dan negara, taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara, sedia berkorban untuk bangsa dan negara, bertanggungjawab kepada bangsa dan negara, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara serta peka kepada masalah dan isu tentang bangsa mahupun negara. *Bersemangat kekitaan* pula melibatkan bersatu padu dan berharmoni, bertolak ansur dan bertoleransi, bekerjasama dan tolong-menolong, hormat-menghormati, bersefahaman dan bermuafakat serta muhibah. *Berdisiplin atau adab baik* merangkumi maksud mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan Negara, mematuhi peraturan dan undang-undang, berkelakuan sopan dan bertatasusila, bertanggungjawab, bertindak dengan wajar, bersifat amanah dan jujur serta berlaku adil dan bertimbang rasa. Berusaha ke arah *meningkatkan produktiviti* pula melibatkan aspek rajin dan gigih, berdikari, sentiasa mempertingkatkan usaha, tabah menghadapi cabaran serta menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara.

Justeru, elemen-elemen ini seharusnya disemat dari akar umbi kerana peradaban dunia semakin hari semakin pesat, terutama dari segi teknologi komunikasi. Oleh itu, sentimen patriotisme ini adalah bersifat motivasi, rasional, harapan dan pembaharuan semula kelangsungan hidup, rela berkorban, organisasi kesukarelaan, kenegaraan dan cinta negara (Muslim & Alias, 2004: 2).

DAPATAN KAJIAN

Semangat dan elemen patriotisme acap kali disalah erti. Sebagai contoh dalam dialog filem untuk memperjuangkan kedaulatan negara ekspresi semangat patriotisme tidak semestinya bersuara lantang dan keras. Hal ini ditunjukkan melalui watak Mat Salleh yang dipamerkan dalam filem yang digambarkan berbeza iaitu sebagai tokoh budiman dan berbudi bahasa. Walaupun beliau seorang yang perkasa dan sangat berani dalam kalangan ketua-ketua puak tetapi cara ungkapan implikatur terhadap isteri dan orang-orangnya sangat menyantuni. Perbezaan ini dinyatakan oleh Chapakiya (2015: 168) bahawa ujaran implikatur merupakan pentafsiran makna tersirat yang dituturkan secara langsung untuk menyatakan hasrat penutur secara hormat, berbudi bahasa dan berakhlak.

Dalam filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983), pengkaji telah mengenal pasti sebanyak 17 ujaran implikatur yang membincangkan elemen patriotisme berlandaskan konteks negara Malaysia. Komponen semangat setia pada negara dan komponen berdisiplin atau adab baik adalah yang paling kerap digunakan dalam implikatur perbualan. Selain itu, dalam komponen semangat kekitaan, hanya tiga kali sahaja yang dikenal pasti menerusi dialog filem, manakala komponen berbangga sebagai rakyat Malaysia dan komponen meningkatkan produktiviti agak sedikit kurang digunakan dalam ucapan dialog.

BIL.	ELEMEN PATRIOTISME	IMPLIKATUR PERBUALAN
1.	Berbangga Sebagai Rakyat Malaysia	2
2.	Semangat Setia Pada Negara	5
3.	Bersemangat Kekitaan	3
4.	Berdisiplin atau Adab baik	5
5.	Meningkatkan Produktiviti	2

Jadual 2 Implikatur perbualan dalam penjelasan elemen patriotisme

Elemen Patriotisme 1: Berbangga sebagai Rakyat Malaysia

Menurut Anuar Ahmad *et al.* (2015: 10), ciri-ciri elemen patriotisme berbangga sebagai rakyat Malaysia berdasarkan huraian sukatan pelajaran sejarah adalah menghormati raja dan pemimpin negara, menghargai jasa perjuangan tokoh-tokoh negara, berbangga dengan sejarah negara, mempertahankan maruah bangsa dan negara, menghormati lambang-lambang negara dan menghargai serta mengamalkan tradisi budaya bangsa.

Jika dikaji secara terperinci, cabang ini amat penting terhadap semua lapisan masyarakat tidak kira tua atau pun muda. Perkara ini dibuktikan dengan pembentukan Malaysia (Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak) apabila warganegara Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman dan damai walaupun terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh itu, menerusi filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983), terdapat dua ujaran implikatur perbualan dikenal pasti pengkaji yang menjelaskan tentang komponen berbangga sebagai rakyat Malaysia. Pengkaji berpendapat bahawa ujaran ini mampu menguatkan lagi keyakinan penonton bahawa kita harus berbangga dengan negara masa kini yang semakin pesat membangun. Sebagai contoh;

Mat Salleh didatangi Ketua puak Tagas yang sedang membangunkan kubu-kubu di sekitar Daerah Tambunan

Ketua Tagas: Nampaknya sudah buat kubu!

Mat Salleh: Ya. Tambunan ini negeri kita.

Sumber: Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (Durasi 55.52 minit).

Setelah Mat Salleh diberikan kuasa untuk menakluki Daerah Tambunan oleh pihak *company*, selang beberapa hari Mat Salleh dan orang bawahannya membuat kubu menandakan tempat tersebut di bawah taklukannya. Menerusi dialog di atas, walaupun Mat Salleh baharu diberikan kuasa oleh pihak *company* tetapi beliau berbangga punya tempat sendiri dan dengan jawapan **Ya. Tambunan ini negeri kita** menunjukkan Mat Salleh bersemangat mempertahankan daerah Tambunan dengan membuat kubu awal agar berwaspada dengan ancaman yang akan datang.

Elemen Patriotisme 2: Semangat setia pada negara

Melalui konteks semangat setia pada negara, penggunaan ujaran implikatur perbualan dalam filem ini banyak digunakan. Menurut Doob (1964: 18), kesetiaan kepada negara dan bangsa adalah komponen penting dalam patriotism, manakala Muslim dan Alias (2010: 3) menyatakan, elemen semangat setia negara berlandaskan konteks negara Malaysia mempunyai pelbagai ciri. Salah satunya adalah taat setia pada negara, cintakan negara, sedia berkorban untuk negara, bertanggungjawab pada negara, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan negara dan peka terhadap masalah bangsa serta negara. Antara dialog menerusi komponen ini adalah;

Mat Sator mewakili Mat Salleh yang mengetuai ketua-ketua lain ingin menyerahkan surat rundingan di Sandakan

Pegawai: Tuan Gabenor tidak mahu berjumpa kamu.

Mat Sator: Kalau Tuan Gabenor tidak mau jumpa saya, saya juga tidak berani balik jumpa Mat Salleh.

Sumber: Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (18.41 minit).

Dialog di atas memperlihatkan kesetiaan Mat Sator (orang kanan Mat Salleh) takut untuk pulang bertemu Mat Salleh selagi kerjanya belum diselesaikan. Walaupun adegan ini sekadar menghantar surat kepada gabenor tetapi, penonton boleh melihat bagaimana seseorang manusia yang patuh dan bertanggungjawab dengan amanah yang diberikan sehingga sanggup menyalahkan diri sendiri jika tugas atau kerja tidak disiapkan dengan masa yang diberikan. Dalam ujaran implikatur perbualan yang kita lihat, jawapan sebenar Mat Sator adalah dia tidak akan berganjak selagi surat ini belum diberikan kepada pihak *company*. Dialog seterusnya;

Datuk Syahbandar: Paduka, kasihanilah anak-anak ini paduka.

Hapuskanlah penderitaan mereka. Kita terpaksa menyerah kalah paduka.

Mat Salleh: Beginikah berhasilnya perjuangan kita. Tidak bersentuhan!

Sumber: Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1:14:34 minit).

Pada awalnya, Mat Salleh berulang kali menyuruh Dang Bandang iaitu isterinya untuk pulang ke Sulu, Filipina bersama anak-anaknya. Namun, isterinya tetap berkeras untuk tinggal bersama-sama dan mengakhiri Bersama-sama semua yang Mat Salleh mulakan. Oleh itu, Mat Salleh mengambil keputusan untuk bertahan dan mengatur strategi baharu untuk menumpaskan pihak *company*. Akan tetapi, pada waktu yang sama pihak *company* bertindak awal menyekat aliran air sungai yang mengakibat anak-anak buah Mat Salleh terlalu kehausan dan tidak bertenaga.

Datuk Syahbandar bersimpati melihat kejadian ini dan terpaksa menyuarakan kepada Mat Salleh dengan menggunakan sentimen anak beliau untuk menyerah kalah pada pihak *company* serta menamatkan peperangan ini. Justeru, dengan jawapan yang diberikan oleh Mat Salleh **beginikah berhasilnya perjuangan kita? tidak bersentuhan!** sangat jelas menunjukkan bahawa Mat Salleh taat setia pada janji, tidak mengalah apa pun yang berlaku dan tidak akan memungkirkan perjuangan awal yang dimulainya untuk menuntut hak walaupun keluarga terpaksa dikorbankan.

Natijahnya, menerusi kedua-dua dialog filem ini sedikit sebanyak dijadikan teladan dan pengajaran kepada kehidupan seharian kita. Walaupun komponen semangat setia pada negara memfokuskan pada kerajaan semata-mata tetapi, semangat ini perlu diselitkan dalam tanggungjawab seharian sebagai manusia, iaitu setia kepada ibu bapa, setia pada amanah yang diberikan dan setia pada agama.

Elemen Patriotisme 3: Bersemangat kekitaan

Definisi semangat kekitaan adalah suatu semangat dalam diri seorang yang dikaitkan dengan masyarakat tempat individu tinggal. Mohd Tohar *et al.* (2014: 256) menegaskan dalam penulisannya bahawa semangat kekitaan ini terbina dan merujuk kepada perasaan kumpulan, perpaduan sosial, sentimen masyarakat, saying-menyayangi dan kerjasama yang erat dan baik. Berdasarkan definisi yang dilihat, hanya tiga ujaran implikatur bualan yang berkait rapat dengan komponen ini.

Walaupun naratif cerita ni mengangkat sisi ketokohan Mat Salleh tetapi pemberontakan beliau tidak berjaya tanpa persetujuan daripada ketua-ketua puak tempatan yang lain. Menurut On (1999: 21), melalui catatan Wookey (1956; 1957: 406) terang-terang menunjukkan bahawa Mat Salleh merupakan pemimpin yang terpilih untuk memperjuangkan hak-hak ketua tempat yang teraniaya. Kenyataan ini sudah menjelaskan semangat kekitaan yang ada dalam diri beliau sangat kuat, malah dalam filem juga turut diperlihatkan. Antara dialog-dialog implikatur berkenaan komponen bersemangat kekitaan ini adalah;

Gabenor: Bukankah itu adil, kami telah bermurah hati beri lembah Tambunan sama pangiran.

Mat Salleh: Inanam dan Sugut juga!

Gabenor: Tidak boleh.

Mat Salleh: Kami bukan pihak yang kalah di medan perjuangan. Kami adalah jempunan di majlis perundingan ini.

Sumber: Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (52:54 minit).

Sebenarnya, Mat Salleh ingin menyampaikan jawapan dengan berkeras hati untuk mengambil alih semula Daerah Inanam dan Sugut walaupun berkorban nyawa. Tambahan pula, Mat Salleh menegaskan perundingan yang kali kedua ni adalah kehendak pihak *company*, bukan kehendak Mat Salleh dan para pengikutnya yang lain. Jika dilihat konteks semangat kekitaan, beliau boleh sahaja menandatangani perjanjian tersebut untuk menyelamatkan dirinya sendiri. Namun, dengan perkataan ‘Kami’ menunjukkan Mat Salleh mewakili puak-puak yang lain untuk menyuarakan hak mereka.

- Pangiran Kaha:** Dinda pikir, demi kebaikan kita semua eloklah kanda tandatangani perjanjian Manggatal itu. Tidaklah lagi diburu seperti sekarang.
- Mat Salleh:** Apa gunanya diri kanda seorang terbebas. Sedangkan anak buah kanda jadi orang buruan.
- Sumber:** Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (53:43 minit).

Makna sebenar implikatur perbualan yang ingin disampaikan oleh Mat Salleh ialah beliau enggan menandatangani perjanjian dari *company* kerana beliau masih memikirkan anak-anak buahnya yang ditahan oleh pihak *company*. Menerusi dialog di atas turut menunjukkan bahawa beliau tidak mementingkan diri sendiri walaupun keadaan semakin kacau-bilau dan huru-hara.

Elemen Patriotisme 4: Berdisiplin atau adab baik

Dalam elemen ini, identiti sebuah negara dapat digambarkan melalui sikap sesebuah masyarakat itu sendiri. Bermaksud, faktor utama sebuah negara maju bukan disebabkan teknologi semata-mata tetapi diukur dari aspek keilmuan suatu bangsa serta pemikiran yang bertamadun. Hal ini demikian kerana ilmu tanpa disiplin dan abab pasti akan melahirkan manusia yang biadab. Menurut Muhammad Said (1998: 13), segala adab, tabiat dan kelakuan seorang manusia terbentuk daripada didikan semasa kanak-kanak. Oleh itu, didikan bersikap disiplin dan abab baik seorang individu terhadap keluarga, ketika menuntut ilmu, alam pekerjaan dan pada negera perlu disemai dari akar umbi. Nilai-nilai yang baik perlu ditunjukkan agar filem tersebut mempunyai kualiti yang baik untuk dipertontonkan kerana adab sangat penting dalam kehidupan nyata manusia, lebih-lebih lagi yang berpegang kepada suatu agama. Justeru, menerusi dialog filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) dapat dilihat penggunaan ujaran implikatur bualan banyak digunakan berdasarkan komponen berdisiplin dan beradab. Sebanyak agenda yang dikenal pasti oleh pengkaji tetapi, di antaranya adalah;

Orang Dayak tidak berpuas hati dikenakan cukai masuk kawasan Sugut (taklukan Mat Salleh) dan bersuara keras sambil memegang senjata

- Orang Dayak:** Kalau mau bayar cukai juga ini (mengeluarkan senjata).
- Mat Salleh tiba-tiba datang (orang Dayak menetak leher Mat Salleh menggunakan parang)**
- Mat Salleh:** (Mat Salleh pegang parang sehingga bengkok.) Sudahlah, pergi balik (dengan nada yang lembut).
- Sumber:** Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (13:09 minit).

Menerusi dialog tersebut, ujaran implikatur perbualan **sudahlah, pergi balik** memberi gambaran bahawa Mat Salleh tidak mahu berlawan dengan menyuruh orang Dayak segera pulang dan jangan menimbulkan masalah di daerah tersebut. Tambahan, walaupun Mat Salleh seorang yang tegas dan bengis, ketika lehernya ditetak menggunakan parang, beliau diperlihatkan sebagai seorang yang tenang. Pada masa sama, Mat Salleh menggunakan nada yang bersahaja dan menepuk bahu orang Dayak tersebut dengan beradab. Kesimpulannya, dalam pandangan Islam, adab adalah perkara kedua yang ditekankan Nabi Muhammad SAW selepas iman. Hilangnya adab dalam kehidupan manusia, maka hilang juga rahmat daripada Allah SWT dan perasaan kasih sayang dalam kalangan manusia (Noordin, 2018).

Elemen Patriotisme 5: Meningkatkan produktiviti

Konsep produktiviti didefinisikan sebagai nilai atau kuantiti output yang dapat dihasilkan oleh satu unit input (Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1999). Selain itu, konsep ini juga memainkan peranan penting dalam memajukan sesebuah negara khususnya dalam bidang ekonomi. Akan tetapi, konteks meningkatkan produktiviti dalam sentimen patriotisme adalah merujuk kepada sumbangan individu dan sekelompok masyarakat pada negara.

Muslim dan Alias (2010: 3) serta Syed Hussain *et al.* (2016: 163) dalam penulisan mereka bahawa produktiviti dalam konsep patriotisme adalah melibatkan aspek rajin dan gigih, berdikari, sentiasa mempertingkatkan usaha, tabah menghadapi cabaran serta menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara. Namun demikian, ada dua penggunaan ujaran implikatur perbualan berdasarkan komponen meningkatkan produktiviti yang dikenal pasti menerusi dialog filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983), antaranya adalah;

Keadaan semakin getir kerana bekalan air sudah kehabisan.

Mat Sator: Paduka, izinkan hamba keluar kubu untuk pergi mencari air.

Mat Salleh: Keadaan seperti ini perlu menggunakan akal dan tipu daya.

Sumber: Filem *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1:15:16 minit).

Sebenarnya Mat Salleh ingin memberi jawapan agar tidak terburu-buru untuk bertindak dengan menggunakan ujaran implikatur perbualan seperti **keadaan seperti ini perlu menggunakan akal dan tipu daya**. Melalui dialog

di atas, dapat dilihat ketika keadaan darurat, kacau bilau dan getir kita seharusnya bersikap tenang dan harus berfikiran waras untuk berusaha mencari penyelesaian. Tambahan pula, setiap masalah yang dihadapi pasti ada jalan penyelesaiannya. Oleh itu, individu dan masyarakat bukan hanya bersemangat meningkatkan produktiviti yang berpaksikan kepada negara semata-mata malah, perlu juga proaktif dalam keluarga dan masyarakat setempat agar komponen meningkatkan produktiviti negara Malaysia yang tercinta seiring dengan peredaran zaman terhadap bangsa dan negara.

KESIMPULAN

Melihat kepada usia kemerdekaan negara yang mencecah 63 tahun, filem-filem bertema patriotisme ini seharusnya diberi perhatian oleh pihak atasan agar agenda menyemai dan menyuburkan patriotisme dalam kalangan masyarakat tidak terhenti. Bagi para pembuat filem tempatan, menghasilkan filem sebegini tidak hanya mengejar sisi komersial sahaja. Malah, perlu memahami bagaimana wadah ini sebagai wahana untuk penonton bebas berfikir dan merealisasikan dalam kehidupan nyata mereka. Selain itu, cara penggarapan patriotisme yang ditunjukkan dalam visual bukan hanya ditujukan dalam peperangan, pembunuhan, pergaduhan dan tanda protes, sebaliknya juga boleh dimasukkan di mana-mana adegan cerita mengikut kesesuaian situasi. Sebagai contoh, jika dilihat filem-filem dari India mereka wajib menerapkan sedikit sebanyak unsur cintakan tanah air mereka walaupun bergenrekan muzikal dan banyak memperlihatkan kisah percintaan serta perbezaan kasta.

Pendedahan terhadap elemen patriotisme melalui lafaz dialog yang diucapkan oleh watak-watak dalam filem juga mampu mengajak penonton untuk berfikir. Pada era moden ini, penonton lebih suka melihat dan mendengar yang tersurat berbanding pernyataan tersirat. Kata-kata pelakon dijadikan *quotes* atau petikan kata pendek, disebarkan menjadi teladan kepada orang lain. Ia juga terbukti dan terkait dalam penerimaan masyarakat terhadap muzik *hip hop* yang dahulunya masyarakat gemar mendengar melodi sahaja berbanding masa kini yang muzik ini menjadi *trend* kerana bait-bait kata serta terjemahannya. Oleh itu, dengan adanya kajian ini sedikit sebanyak mendorong pembikin filem mengambil berat meletakkan patriotisme dalam dialog untuk mengukuhkan maksud tersirat atau mesej yang hendak disampaikan dalam filem dan menunjukkan kecintaan kita pada negara. Implikatur perbualan ia sangat berkait rapat dengan Rukun Negara Malaysia yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan dalam pertuturan mahupun sifat dalam diri kita.

Akhir kata, kajian ini perlu diteruskan dan akan ada kajian yang lebih terperinci untuk pembacaan generasi seterusnya memahami dan mengetahui betapa pentingnya semangat cintakan negara serta bersyukur dapat hidup dalam suasana yang harmoni.

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2002). Patriotisme alaf baru. Kertas kerja dibentangkan di *Kongres Patriotisme Negara*. Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP. Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22-28 Oktober 2002.
- Abu Bakar, A. L. (1996). *Melaka dan arus gerakan kebangsaan Malaysia*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Bakar, A. L., & Puteh, O. (1995). *Globalisme dan patriotisme dalam sastera Melayu. Kumpulan kertas kerja Hari Sastera 1995*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ahmad Rusdi, A. (2002). *Permasalahan pelaksanaan unsur patriotisme dalam mata pelajaran kajian tempatan: Punca daripada guru sendiri*. Alor Setar: Institut Penguruan Darulaman.
- Ahmad, A., Huo, P. L. H., & Abdullah, N. T. (2015). *Berbangga sebagai rakyat Malaysia: Satu kajian tentang nilai patriotisme pelajar berdasarkan pembelajaran sejarah*. Siri Kertas Kerja Kajian Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Syazli, (2016). *Sinema Malaysia (Meneroka Spektrum Seni Karyawan Filem Generasi Baru)*, Edisi 2016. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.
- Arifianti, I. (2006). *Jenis tuturan, implikatur dan kesantunan dalam wacana rubrik konsultasi seks dan kejiwaan pada tabloid nyata*. Tesis (tidak diterbitkan). Universitas Negeri Semarang, Semarang.
- Bar-Tal, D., & Staub, E. (1997). *Patriotism in the lives of individuals and nations*. USA: Nelson-Hall. Inc.
- Carston, R. (1988). *Implicature, explicature and truth - theoretic semantics*. London: University Collage London.
- Curti, M. (1946). *Roots of American loyalty*. New York: Russell and Russell.
- Daud, M. D., Johori, M. R., & Harun, N. (2017). Penerbitan filem patriotisme di Malaysia: Isu dan cabaran. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah*.
- Embi, M. A. (2009). Patriotisme dan kepercayaan rakyat di Malaysia. Kuala Lumpur. *Utusan Publication*.
- Fatimah, M. S., Nur Afifah Vanitha. A. (2020). *Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933-1989)*. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 47 (2). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Grice, H. P. (1975). *Logic and conversation*. In *Syntax and Semantics 3: Speech Arts*. (pp. 41-58). Amsterdam: Elsevier Publishers.
- Had Salleh, A. (1995). Patriotisme dan globalisme alam konteks pergerakan bahasa dan sastera kebangsaan. *Kertas kerja yang dibentang di Persidangan Hari Sastera pada 26-27 May 1995*. Melaka.
- Hasan, N. (2018). *Implikatur dalam filem Patriotik*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Ibrahim, M. (1999). *Implikatur dalam iklan*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Indan, J. (2017). Mr Sabah sinonim Mat Salleh. *Berita Harian*.
- Ismail, H., Nasarah, S. A., Mohd Yusof, W., Syed Hussain, T. P. R., & Othman, Z. (2016). *Tahap patriotisme belia di Malaysia*. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. (1999). Panduan mengenai peningkatan produktiviti dalam Perkhidmatan Awam. *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 6*. Kuala Lumpur.
- Jalaluddin, N. H. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. (1994). *Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Pusat Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jamal, M. (2015). Semangat patriotisme melalui lagu-lagu patriotik: Kajian persepsi beberapa orang belia di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 4.
- Jasni, R. M. (1981). *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*. Kota Kinabalu: Persatuan Kebudayaan Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1994). *Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Buku Panduan Program Pengukuhan Pemupukan Patriotisme Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Radzi, M. S., Basrah Bee, B. B., & Abd. Rahim, M. S. (2008). Perjuangan Paduka Mat Salleh menentang penjajah: Perjalanan sejarah penentangan dan interpretasi dari sudut pandangan Islam. *Borneo Research Journal*, 2 (Dec, 2008).
- Mohd Tohar, S. N. A., Ab Halim, A., Ku Samsu, K. H., & Musa, H. (2014). *Teori semangat kekitaan (Assabiyah) Ibnu Khaldun dan pemartabatan Bahasa Melayu di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muslim, N., & Alias, J. (2010). *Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Noordin, F. (2018). Ilmu perlu sentuhan adab. *Akhlag*. Kuala Lumpur. *Berita Harian*.
- Nursyazrin, N. M. (2012). *Mesej dakwah dan metod al-Mau'izah al- Hasanah dalam filem My Name Is Khat dan Jodhaa Akbar*. Universiti Malaya
- Nugraheni, Y. (2010). *Analisis implikatur pada naskah film Harry Potter and The Goblet of Fire*. Semarang: Universitas Muhammadiyah.
- On, L. K. (1999). *Citra wira rakyat dalam legenda Mat Salleh*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Salwani Abu Bakar. (2009). *Implikatur dalam sajak-sajak Melayu*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Kuala Lumpur. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Suhaibo, H. (1999). Kefahaman dan amalan unsur patriotisme melalui mata pelajaran sejarah pelajaran sejarah di sekolah menengah atas Kuching. Kuching: Unit Sejarah, Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Syed Hussain, T.P.R., Nasarah, S.A., & Othman, Z. (2016). Pembinaan Bangsa Malaysia (1): Kajian empirikal tahap patriotisme belia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 159-170.

- Tuan Muhamad Adnan, T. B. (2020). Semarak semangat patriotisme. *Sinar Harian*.
- Viroli, M. (1997). For love of country: An essay on patriotism and nationalism. Oxford: Oxford University Press.
- Wookey. (1956). The Mat Salleh rebellion. *Sabah Museum Journal, VII*.